

Dadah: Ketagihan remaja, kanak-kanak semakin parah

February 18, 2016, Thursday



PENDIDIKAN: Kartina (tiga kiri) ketika berada di konti RTM Limbang kelmarin.

LIMBANG: Masalah penagihan dadah semakin parah apabila menular dalam kalangan remaja termasuk kanak-kanak, kata Timbalan Pengarah Agensi Anti Dadah kebangsaan (AADK) Negeri, Kartina Ujin.

Jelasnya, dadah jenis Amphetamine Type Stimulate (ATS) dalam kalangan remaja memberi kesan terhadap psikologi, fisiologi dan kesan langsung kepada sistem saraf tunjang .

Katanya, ibu bapa perlu prihatin serta mengambil tahu perubahan fizikal atau tingkah laku anak masing-masing di samping mengenal pasti sama ada terlibat penyalahgunaan dadah kerana masalah ini memerlukan rawatan pemuliharaan dengan kepakaran tinggi.

“Ibu bapa perlu mempunyai hubungan baik dengan guru ,sentiasa mengikuti perkembangan anak disekolah dan sentiasa berkomunikasi dengan anak-anak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan di konti Radio Televisyen Malaysia (RTM) Limbang kelmarin.

Sementara itu dedahnya sebanyak 632 kes pengawasan di AADK negeri direkod tahun lepas membabit sebanyak 543 baharu dan 89 kes berulang.

Daripada jumlah itu, sebanyak 169 merupakan kes dimasuk ke Pusat Khidmat Pulih dan Prihatin dan 85 kes dijatuhkan perintah oleh mahkamah dengan pengawasan oleh AADK dan Polis Diraja Malaysia.

“Dalam usaha membendung masalah dadah AADK telah membangunkan modul pemulihan penyalahgunaan dadah berteraskan pemulihan kelompok spesifik iaitu penagih remaja, wanita, penagih tegar dan ringan.

“Ia bagi memastikan rawatan dan pemulihan yang disediakan berkesan dan klien dapat kembali berfungsi dalam masyarakat,” katanya lagi.

Sementara itu beliau memberitahu majikan ingin memastikan kakitangan di bawah bebas penyalahgunaan dadah boleh meminta AADK menjalankan ujian urin.

“Kita hanya akan menjalankan penguatkuasaan dan pemeriksaan berdasarkan permintaan majikan,” ujarnya.

Jelasnya, jika terdapat pekerja terlibat dalam masalah dadah pihaknya turut meminta majikan sendiri mengambil tindakan terlebih dahulu sama ada secara tatatertib mengikut prosedur jabatan masing-masing.

Jelasnya AADK mempunyai klinik Cure and Care dengan kemasukan secara sukarela, dan tidak secara paksa.